



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 10 MEI 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 10 Mei 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **3,454 kes** (405,388 kes kumulatif, 91.2%);
- Kes baharu : **3,807 kes** (444,484 kes kumulatif);
- Kes import : **5 kes** (2 warganegara, 3 bukan warganegara);
- Kes tempatan : **3,802 kes** [3,642 warganegara (95.8%); 160 bukan warganegara (4.2%)];
- Kes aktif : **37,396 kes**;
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) : **434 kes**;
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **224 kes**;
- Kes kematian : **17 kes** (1,700 kes kumulatif, 0.39%; 16 warganegara, 1 bukan warganegara);
- Jumlah kluster : **1,807 kluster**;
- Jumlah kluster baharu : **19 kluster**;

- Jumlah kluster yang telah tamat : **1,359 kluster**; dan
- Jumlah kluster aktif : **448 kluster**.

Terdapat **17 kes kematian** pada hari ini yang melibatkan **empat (4) kes** di Selangor, masing-masing **tiga (3) kes** di Pulau Pinang dan Melaka, masing-masing **dua (2) kes** di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Sarawak, serta masing-masing **satu (1) kes** di Sabah, Kedah, dan Kelantan.

Perincian jumlah kes mengikut negeri, kes-kes kematian dan kluster-kluster baharu adalah seperti di **Lampiran 1, 2, 3 dan 4** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

PENAMBAHAN SINGAPURA DALAM SENARAI NEGARA YANG MELAPORKAN PENULARAN DALAM KOMUNITI VARIANT OF CONCERN (VOC) SARS-COV-2

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara (MKN) Bilangan 30 Tahun 2021 pada 7 Mei 2021 telah bersetuju untuk menyenaraikan negara Singapura sebagai salah sebuah negara yang melaporkan penularan *Variant of Concern* (VOC) SARS-CoV-2 dalam komuniti. Ia berdasarkan kepada laporan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Singapura, di mana laporan kes tersebut melibatkan varian Afrika Selatan B.1.351,

varian United Kingdom B.1.1.7, varian Brazil B.1.1.28 (P1), termasuklah *Variant of Interest* (VOI) dari India iaitu B.1.617.1.

Sejajar dengan perkembangan ini, Sidang Khas MKN telah memutuskan semua pengembara yang masuk ke Malaysia dari Singapura dan pengembara yang menggunakan kemudahan Skim *Periodic Communicating Arrangement* (PCA) perlu menjalani **kuarantin wajib selama 14 hari** di stesen kuarantin yang telah diwartakan oleh kerajaan bermula pada 13 Mei 2021. Para pengembara dari Singapura juga tertakluk kepada SOP kemasukan pengembara dari negara-negara dengan penularan VOC SARS-CoV-2 dalam komuniti.

Selain itu, Sidang Khas MKN juga telah bersetuju Skim *Reciprocal Green Lane* (RGL) Malaysia-Singapura digantung sementara waktu di peringkat Malaysia bermula pada 13 Mei 2021. Pengembara dari Singapura yang ingin memasuki Malaysia bagi tujuan perniagaan perlu menggunakan saluran *One Stop Centre* (OSC) yang disediakan oleh pihak Lembaga Pembangunan Malaysia (MIDA).

KKM akan sentiasa mengemaskini senarai negara dengan penularan VOC SARS-CoV-2 dalam komuniti dan akan memaklumkan kepada umum dari semasa ke semasa.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai termasuk individu-individu yang telah menerima vaksin COVID-19 agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

Elakkan 3S: (elakkan kawasan yang **sesak**, **sempit** dan **sembang** dengan jarak yang dekat).

Amalkan 3W: (Amalkan **Wash**, **Wear** dan **Warn**).

Patuhlah kepada **S.O.P** sebagai normal baharu. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

10 Mei 2021 @ 6.00 petang.

LAMPIRAN 1

**BILANGAN KES COVID-19
MENG--IKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 10 MEI 2021, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
SELANGOR	1,149 (1)	144,419
SABAH	96	58,953
JOHOR	257	48,228
WP KUALA LUMPUR	320 (3)	47,218
SARAWAK	649 (1)	35,809
PULAU PINANG	245	22,146
NEGERI SEMBILAN	144	19,900
KELANTAN	329	17,430
PERAK	119	15,723
KEDAH	224	11,422
MELAKA	88	8,089
PAHANG	77	5,866
TERENGGANU	93	4,941
WP LABUAN	3	2,488
WP PUTRAJAYA	11	1,471
PERLIS	3	381
JUMLAH KESELURUHAN	3,807 (5)	444,484

*() adalah merujuk kepada kes-kes import

LAMPIRAN 2

Ringkasan 17 kes kematian pada 10 Mei 2021 adalah seperti berikut:

No. Kematian	Negeri	Jantina (Warganegara)	Umur (Tahun)	Hospital / Tempat Kematian	Latar Belakang
1684	Sarawak	Perempuan (WN)	88	Hospital Sibul	Penyakit darah tinggi
1685	Selangor	Lelaki (WN)	48	Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang	-
1686	Selangor	Lelaki (WN)	69	Hospital Sungai Buloh	-
1687	Selangor	Lelaki (WN)	72	Hospital Sungai Buloh	-
1688	Sabah	Lelaki (WN)	51	Hospital Lahad Datu	Penyakit darah tinggi dan buah pinggang kronik
1689	Selangor	Lelaki (WN)	67	Hospital Sungai Buloh	Penyakit darah tinggi
1690	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	63	Hospital Sungai Buloh	Penyakit darah tinggi
1691	Pulau Pinang	Lelaki (WN)	82	Hospital Pulau Pinang	Penyakit darah tinggi dan gout
1692	Pulau Pinang	Lelaki (WN)	81	Hospital Kepala Batas	Penyakit darah tinggi
1693	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	82	Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Cheras	Penyakit kencing manis, darah tinggi, jantung, dan dislipidemia
1694	Pulau Pinang	Lelaki (WN)	80	Hospital <i>Island</i> , Pulau Pinang	Penyakit jantung
1695	Melaka	Lelaki (WN)	63	Hospital Melaka	Penyakit kencing manis

No. Kematian	Negeri	Jantina (Warganegara)	Umur (Tahun)	Hospital / Tempat Kematian	Latar Belakang
1696	Sarawak	Lelaki (WN)	80	Hospital Kapit	Penyakit darah tinggi, dislipidemia, dan paru-paru obstruktif kronik
1697	Melaka	Lelaki (WN)	74	Hospital Melaka	Penyakit kencing manis, darah tinggi, jantung, dan kanser buah pinggang
1698	Melaka	Lelaki (WN)	92	Hospital Melaka	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan dislipidemia
1699	Kedah	Lelaki (WN)	82	Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar	Penyakit darah tinggi
1700	Kelantan	Perempuan (BWN)	56	Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu	Penyakit kencing manis dan darah tinggi

*WN merujuk kepada warganegara dan BWN merujuk kepada bukan warganegara.

LAMPIRAN 3

Perincian 3,807 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 10 Mei 2021 mengikut jenis saringan adalah seperti berikut:

NEGERI	JUMLAH KES	KLUSTER	KONTAK RAPAT	IMPORT A*	LAIN-LAIN
SELANGOR	1,149	29	826	1	293
SARAWAK	649	148	423	1	77
JOHOR	257	76	110	-	71
WP KUALA LUMPUR	320	22	202	3	93
PULAU PINANG	245	32	89	-	124
KELANTAN	329	37	222	-	70
NEGERI SEMBILAN	144	32	72	-	40
KEDAH	224	41	85	-	98
PAHANG	77	27	29	-	21
PERAK	119	59	45	-	15
MELAKA	88	39	35	-	14
SABAH	96	57	24	-	15
TERENGGANU	93	38	42	-	13
WP PUTRAJAYA	11	-	9	-	2
WP LABUAN	3	3	-	-	-
PERLIS	3	-	1	-	2
JUMLAH KESELURUHAN	3,807	640	2,214	5	948

* Import A merujuk kepada kes penularan dari luar negara

LAMPIRAN 4**KLUSTER-KLUSTER BAHARU YANG DILAPORKAN DI MALAYSIA
PADA 10 MEI 2021**

No.	Nama Kluster	Kategori Kluster	Negeri	Daerah	Jumlah Kes	Jumlah Disaring
1	Balakong Jaya Tiga	Tempat Kerja	Selangor	Hulu Langat	10	15
2	Jalan Raja Musa	Tempat Kerja	Selangor	Kuala Selangor	6	138
3	Jalan Maharani	Tempat Kerja	Johor	Muar dan Tangkak	33	147
4	Bukit Minyak Lapan	Tempat Kerja	Pulau Pinang	Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah, dan Seberang Perai Selatan	37	189
5	Dah Empat Kota	Tempat Kerja	Kedah	Kota Setar, Kuala Muda, Pendang, dan Yan	10	45
6	Kompleks Empat	Tempat Kerja	Sabah	Kota Kinabalu, Kota Belud, Papar, Penampang, Putatan, Ranau, Sandakan, dan Tuaran	26	97
7	Gudang Genting	Tempat Kerja	Pahang	Bentong	14	917
8	Desa Kemuning	Keagamaan	Selangor	Klang	10	35
9	Jalan Haji Alias	Keagamaan	Selangor	Klang	13	30
10	Pekan Pasir Mas	Keagamaan	Kelantan	Pasir Mas dan Machang	51	161
11	Jalan Kesyukuran	Keagamaan	Johor	Kota Tinggi	14	42
12	Dah Lalang	Keagamaan	Kedah	Baling	13	19
13	Ulu Anap	Komuniti	Sarawak	Tatau dan Bintulu	19	125
14	Emperan	Komuniti	Sarawak	Selangau	97	436
15	Kampung Sawah	Komuniti	Johor	Pontian	6	60
16	Pelagat Tiga	Komuniti	Terengganu	Besut	32	230
17	Parit Lima	Komuniti	Perak	Hilir Perak	10	146
18	Jalan Jurutera	Pendidikan Lain	Selangor	Petaling dan Gombak	12	43
19	Jalan Baling	Pendidikan Lain	Perak	Hulu Perak	41	547